

TRANSKRIP TEMU BUAL PENJAGA 3

Noriah, Verbatim Temu bual Penjaga 3, Rumah Noriah, (29.06.2013), (4:17)

1 N, TB, PG 3, RN, (29062013), (4:17)

2

3 **Pengkaji**

4 Assalamualaikum, hari ini saya ingin menebul puan tentang pendidikan alam
5 sekitar. Apakah yang puan faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

6

7 **Penjaga**

8 Yang saya faham, Pendidikan Alam Sekitar ini berkenaan pencemaran alam, debu-debu,
9 habuk yang terdapat di persekitaran kita. Selain itu juga kita boleh menerangkan
10 kepada anak-anak kebaikan dan keburukan menjaga alam sekitar seperti tidak
membuang

11 sampah merata-rata, tidak menebang pokok tanpa kawalan, menjaga kebersihan sungai,
12 tidak membuang sampah ke dalam sungai serta sisa-sisa kilang ataupun asid ke dalam
13 sungai lah. Ini boleh memberi kesan kepada hidupan sungai.

14

15 **Pengkaji**

16 Apakah pula penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

17 **Penjaga**

18 Bagi hendak menerapkan Pendidikan Alam Sekitar kepada anak-anak, perlu
19 **menanamkan** rasa kasih sayang terhadap alam sekitar, menghargai alam sekitar
20 semasa kita mendidik mereka, seperti jangan membuang sampah merata-rata, sentiasa
21 cantik, nampak cantik, tidak merosakkan kepentingan awam. Selain daripada itu, kita
22 juga boleh **mendedahkan** anak-anak kita kepada organisasi ataupun jabatan-jabatan
23 lain ataupun badan-badan bukan kerajaan seperti yang menjalankan aktiviti tentang
24 alam sekitar seperti aktiviti 'go clean', menanam pokok ke..aktiviti-aktiviti riadahlah.

25

26 **Pengkaji**

27 Bagaimanakah cara puan menerapkan Pendidikan Alam Sekitar di kalangan
28 anak-anak?

29 **Penjaga**

30 Em.. Cara saya menerapkan Pendidikan Alam Sekitar kepada anak-anak, saya selalu
31 **menasihatkan** mereka supaya menjaga kebersihan, jangan membuang sampah merata
32 rata, kalau kami menaiki kenderaan, saya tidak membenarkan anak-anak saya
33 membuang sampah keluarlah. Kadang-kadang kami **bergotong-royong** membersihkan
34 kawasan rumah. Saya juga sentiasa menekankan kebersihan ini kerana **agama** Islam
35 kita memang **menekankan menjaga kebersihan** dari segi kebersihan diri, luaran dan
36 dalaman, dan sebagainyalah.

37

38 **Pengkaji**

39 Apakah nilai-nilai murni yang puan terapkan kepada anak-anak dalam menjaga
40 alam sekitar?

41 **Penjaga**

42 Nilai-nilai murni yang saya terapkan kepada anak-anak dalam menjaga alam sekitar,
43 biasanya saya akan mendidik anak-anak **bekerjasama**, tolong-menolong membersih-
44 kan kawasan rumah, saya juga nak anak-anak saya ada rasa tanggungjawab terhadap
45 alam sekitar. Contohnya saya menasihatkan anak-anak sekiranya kita tidak menjaga
46 alam sekitar dari masa sekaranglah, kesannya akan diterima oleh **generasi akan datang**
47 seperti adik- adik sekarang inilah, anak-anak kita dan juga anak kepada anak-anak

48 kita.

49

50 **Pengkaji**

51 Apakah masalah yang puan hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam Sekitar?

52

53 **Penjaga**

54 Masalah yang saya hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam Sekitar, aa... masa
55 yang, aa.. kemungkinan kurang masalah seperti anak-anak bekerja, pergi sekolah, jadi
56 mereka tiada masa untuk menjaga alam sekitar. Masa yang diperuntukkan untuk
57 aktiviti sehari-hari seperti menanam pokok semua itu, aa.. *limit* lah. Masa kadang-kadang
58 terkejar-kejar. Kedua, macam kurang kemahiran mengendalikan barang terbuang,
59 seperti cara hendak dilupuskan seperti di bakar ke, atau di tanam dan sebagainyalah.